

HAK KEPADA UDARA YANG BERSIH



Jerebu ialah satu fenomena yang disebabkan oleh kewujudan banyak partikel-partikel kecil yang tidak boleh dilihat oleh mata kasar dan terapung-apung di udara. Partikel-partikel ini mungkin berasal secara semula jadi ataupun kesan sampingan daripada aktiviti manusia.

- Kementerian Kesihatan Malaysia -

Kejadian jerebu di Malaysia seringkali dikaitkan dengan kejadian jerebu rentas sempadan

Apa Itu Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan?



Jerebu rentas sempadan bermaksud asap atau debu yang dibawa oleh angin dari negara lain, biasanya disebabkan oleh pembakaran terbuka seperti kebakaran hutan.

Hak Untuk Udara Bersih

Perkara 5(1) menyatakan bahawa "tiada sesiapa pun boleh dilucutkan nyawa atau kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang." Walaupun peruntukan ini tidak menyebut udara bersih secara khusus, hak untuk hidup dalam persekitaran yang sihat dan selamat boleh dikaitkan dengan prinsip ini

- Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan Malaysia :
Hak untuk hidup -

HUMAN RIGHTS



Apa itu IPU?

IPU (Indeks Pencemaran Udara) adalah ukuran untuk menilai sejauh mana kualiti udara di sesuatu kawasan.

Peka dengan peningkatan indeks (IPU)

IPU	Status	Kesan Terhadap Kesihatan
0 - 50	Baik	Pencemaran rendah tanpa kesan buruk terhadap kesihatan
51 - 100	Sederhana	Pencemaran sederhana yang tidak mendatangkan kesan buruk terhadap kesihatan.
101 - 200	Tidak Sihat	Memburukkan keadaan kesihatan bagi golongan warga emas, wanita hamil, kanak-kanak, serta individu yang mempunyai masalah jantung dan paru-paru.
201 - 300	Sangat Tidak Sihat	Memburukkan keadaan kesihatan dan mengurangkan daya tahan fizikal

Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Akta 127)



Akta ini adalah undang-undang utama yang mengawal pencemaran udara, termasuk pemantauan kualiti udara dan tindakan terhadap pencemaran.



HAK KEPADA UDARA YANG BERSIH



Langkah - langkah untuk mengurangkan jerebu



- Menghentikan pembakaran terbuka dan memperketatkan penguasaan pemeliharaan hutan
- Mengukuhkan kerjasama antara negara untuk menangani jerebu rentas sempadan akibat pembakaran hutan
- Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kesan pembakaran terbuka
- Memperkasa teknologi hijau untuk mengurangkan kesan pencemaran. Contohnya, penggunaan tenaga solar untuk menjana elektrik daripada tenaga matahari dapat mengurangkan penggunaan bahan api fosil yang menyumbang kepada pelepasan gas rumah kaca

Apa yang perlu kita lakukan semasa jerebu?

- Perhatikan Indeks Pencemaran Udara (IPU)
- Elakkan melakukan aktiviti luar
- Memakai pelitup muka
- Memastikan asap jerebu tidak masuk ke dalam rumah atau pejabat
- Minum banyak air untuk mengekalkan hidrasi



Kesan Jerebu



Masalah pernafasan seperti asma dan bronkitis.



Meningkatkan risiko penyakit jantung.



Kerosakan kepada ekosistem tumbuhan dan haiwan.



Gangguan aktiviti luar seperti pertanian, pelancongan dan pengangkutan.

